

## Mereka yang memimpin Negara:



# Beraniilah melucutkan senjata

**TAKHTA SUCI:** Lebih daripada 30,000 penziarah, termasuk rektor dan sukarelawan dari pusat ziarah Maria serta ahli-ahli pergerakan Maria dan pendevisi Maria, berkumpul di Dataran Sto Petrus pada Oktober 11 lalu, untuk berdoa rosari bersama, dalam upacara vigil doa yang dipimpin oleh Sri Paus Leo XIV.

Bapa Suci sendiri meminta agar upacara vigil itu didedikasikan untuk "kurniaan perdamaian."

Semasa menyampaikan renungannya, Sri Paus Leo menggesa umat beriman untuk "berterusan tanpa jemu berdoa untuk keamanan, hadiah yang diberikan Tuhan untuk kita usahakan, menerimanya dengan hati terbuka dan dorongan bagi kita agar kita untuk menerimanya dan yang mesti kita berikan komitmen yang kuat."

#### Letakkan pedangmu

Sambil menegaskan bahawa kita tidak seharusnya mengabaikan kata-kata Yesus di Taman Getsemani, ketika Dia ditangkap

oleh ketua-ketua imam dan pengawal Bait Tuhan, murid-murid-Nya mahu menyerang mereka namun Yesus berkata, "Letakkan pedangmu."

Perintah itu ialah rayuan agar tidak berlaku pertempuran senjata.

Bapa Suci Leo menyatakan bahawa "kedamaian memerlukan kita melucutkan senjata. Ia bukan pencegahan tetapi persaudaraan; ia bukan ultimatum, tetapi dialog."

"Kedamaian," kata Sri Paus, "tidak datang sebagai hasil kemenangan ke atas musuh, tetapi sebagai buah menabur keadilan dan pengampunan yang berani."

"Letakkan pedangmu" ialah mesej yang ditujukan kepada golongan berkuasa di dunia, kepada mereka yang membimbing nasib rakyat: beraniilah untuk melucutkan senjata," tegas Sri Paus Leo.

Katanya lagi, "Pada masa yang sama, ia adalah jemputan kepada kita masing-masing untuk mengakui bahawa tiada idea, kepercayaan, atau dasar yang membenarkan pembunuhan. Kita harus melucutkan senjata di hati kita terlebih dahulu kerana selagi kita tidak mempunyai damai dalam diri kita, kita tidak dapat memberikannya kepada orang lain."

#### Kerohanian Maria

Seruan Sri Paus untuk melucutkan senjata juga diinspirasikan daripada Kerohanian Maria, berdasarkan kata-kata Maria dalam Injil.

"Semasa Jubli Kerohanian Maria ini," kata Sri Paus, "kita orang yang beriman mengalihkan pandangan kita kepada Perawan Maria, yang membimbing kita dalam ziarah harapan kami."

Prelatus mengingatkan umat beriman bahawa "untuk meneladani Maria kita perlu meniru sifat-sifat manusianya dan sikapnya sebagai pelaku Injil pertama yang tekun dan setia serta berdoa kepada Bunda Maria agar dia dapat membawa semua doa-doa kita bagi setiap saudara dan saudari yang menderita, dan terhadap semua makhluk."

Dia teringat kata-kata "berharga" yang diucapkan oleh Maria dalam Injil, "Lakukanlah apa sahaja yang Dia katakan kepadamu."

"Seperti suar," katanya, "Maria tidak menunjukkan dirinya sebaliknya memperlihatkan bahawa destinasi terakhir ialah Tuhan Yesus dan firman-Nya."

Bunda Tuhan memanggil kita untuk "menghidupi Injil: menghadirkan Injil, menghidupinya dengan keazaman dan kegembiraan kerana dengan berbuat demikian, ke-

hidupan kita akan berubah daripada kosong dan membosankan kepada sesuatu yang penuh, sukacita dan bertenaga."

#### Melihat daripada perspektif berbeza

Sri Paus Leo kemudian menjemput umat beriman untuk mengambil "perspektif yang berbeza" untuk melihat dunia bukan dari sudut pandang orang yang berkuasa, tetapi dari sudut pandang "orang kecil... bagi mentafsir peristiwa sejarah dari sudut pandang balu, anak yatim, orang asing, kanak-kanak yang cedera, orang buangan, dan pelarian."

Sehingga kita belajar untuk berbuat demikian, katanya, "tiada apa pun akan berubah, dan era baharu, sebuah kerajaan keadilan dan keamanan, tidak akan pernah tiba."

Akhirnya, setelah mengingatkan Sabda Bahagia, "Berbahagialah orang yang membawa damai," Sri Paus Leo berdoa kepada Maria, Ratu Damai, bermohon kepada Sang Ratu untuk mengajar kita "mendengar jeritan orang miskin dan ibu pertiwi... sebagai panduan komitmen kita terhadap pelayanan... [dan] untuk hidup dan memberi kesaksian tentang kasih Kristian, dengan mengalu-alukan semua orang sebagai saudara dan saudari; untuk menolak kegelapan keegoisan demi mengikuti Kristus!" **Media Vatikan**

# Perkahwinan dan selibat, kedua-duanya diperlukan

Mengapa Kristian awal memilih model "kesucian" (selibat), sedangkan orang Roma pada ketika itu, merupakan orang-orang bijak yang sentiasa mencurigai serta dapat menentang pelaksanaannya yang akan menjejaskan struktur masyarakat purba itu sendiri? Demikianlah pertanyaan seorang ahli sejarah Kate Cooper yang mencetuskan beberapa persoalan yang patut dikaji.

Adakah status bujang, selibat, (berkaul atau sebaliknya) menjejaskan sesuatu dalam struktur masyarakat?

Adakah status bujang atau selibat ini sejenis kenyataan yang menentang institusi perkahwinan? Adakah ia bertentangan dengan sesuatu dalam alam semula jadi itu sendiri di mana terdapat keperluan semula jadi untuk "bertambah dan berlipat ganda"?

Soalan kedua lebih mudah dijawab. Umat manusia kini telah melebihi lapan bilion. Tidak perlu sentiasa memeriksa untuk memastikan bilangan orang di dunia sudah mencukupi atau masih kurang, bagi memastikan kelangsungan hidup biologi kita.

Pada zaman dahulu, malah pada zaman alkitabiah, terdapat satu kehendak yang kuat, bahawa tujuan berkahwin agar mempunyai anak.

Kekal tidak berkahwin dipandang secara negatif, sebagai sesuatu yang tidak normal. Mereka dianggap tidak menghormati alam. Peranan mereka dipersoalkan, mengapa orang itu tidak menjalankan tugasnya dari segi mempunyai anak?

Itulah salah satu sebab mengapa pilihan Yesus untuk hidup membujang menonjol sebagai sesuatu yang tidak normal dalam dunianya.

Seterusnya, adakah kehidupan bujang, selibat, dikaitkan dengan menentang

perkahwinan? Adakah ia menjejaskan struktur masyarakat?

Bukankah Tuhan, semasa mencipta manusia menyatakan bahawa tidak baik bagi seorang manusia untuk hidup sendirian?

Soalan ini memang perlu dijawab segera. Tuhan memang berkata demikian, dan Tuhan bersungguh-sungguh.

Kita sepatutnya hidup dalam keluarga, dalam komuniti, dan bukannya hidup sendirian. Oleh itu, kehidupan bujang mempunyai bahayanya.

Thomas Merton pernah ditanya oleh seorang wartawan bagaimana rasanya hidup sebagai seorang yang tidak berkahwin.

Jawapannya, ia seperti hidup di neraka! Kamu hidup dalam kesunyian yang Tuhan sendiri kutuk. Tetapi, dia dengan cepat menambah bahawa ini ialah kesunyian yang sangat bermanfaat.

Namun persoalannya masih kekal, adakah kehidupan bujang, selibat menentang perkahwinan? Boleh jadi.

Memilih untuk tidak berkahwin boleh menjadi kenyataan bahawa perkahwinan bukanlah cara terbaik untuk hidup, bahawa ia ialah wadah (penjara) yang menyekat kebebasan manusia dan kematangan manusia secara tidak sihat.

Sebenarnya, kehidupan bujang yang bukan selibat atau tidak murni ialah kenyataan menentang perkahwinan.

Perkahwinan yang sihat dan kehidupan bujang yang sihat sebenarnya saling menyokong.

Ada satu pepatah yang berbunyi: Jika kamu berada di sini dengan setia, kamu membawa kesihatan dan sokongan kepada kami. Jika kamu berada di sini dengan tidak setia, kamu membawa keresahan dan kecauan kepada kami.

Kesetiaan dalam perkahwinan atau



dalam selibat ialah maraton, diiringi pelbagai jenis godaan di sepanjang jalan.

Kedua-duanya menuntut keupayaan untuk berpeluh darah pada masa-masa tertentu, untuk kekal setia kepada apa yang telah anda janjikan dan kepada apa yang terbaik dalam diri anda serta memerlukan sokongan dan kesaksian orang lain.

Dalam kedua-dua status, kedua-duanya boleh memerlukan sokongan. Kesetiaan dalam perkahwinan dan selibat merupakan kesaksian yang dapat membantu orang lain dalam merenung panggilan hidup mereka.

Oleh itu, apabila seorang selibat melihat kesetiaan dalam perkahwinan, lebih mudah baginya untuk kekal setia dalam selibat. Sebaliknya, apabila seorang selibat melihat ketidaksetiaan dalam perkahwinan, dia bersendirian dalam perjuangan selibat, kekurangan rahmat tertentu (kerana melihat sesuatu yang tidak setia) untuk meneruskan perjuangan dan bertahan dalam selibat.

Begitu juga bagi pasangan yang berkahwin. Jika dia melihat seorang selibat hidup dengan setia dan berbuah dalam kehidupan bujang, pasangan itu akan mendapat rahmat, mempunyai harapan dan kekuatan agar terus setia kepada komitmen perkahwinan mereka.

Sebaliknya, jika seseorang yang sudah berkahwin melihat kehidupan orang selibat yang tidak setia, dia akan kekurangan rahmat istimewa kerana tidak menyaksikan atau tidak ada tauladan dalam kesetiaan yang boleh membantunya menempuh

cabaran yang diperlukan untuk kekal setia dalam komitmen.

Walaupun kedengaran pelik, perkahwinan dan selibat saling memerlukan. Kita memerlukan saksi antara satu sama lain. Kita perlu melihat, dan mengambil kekuatan daripada kesetiaan dalam perkahwinan dan selibat. Menyaksikan dan meneladani kesetiaan sahaja tidak memadai. Terdapat realiti yang lebih mendalam yang mendasari ini, realiti yang mistikal.

Sebagai orang Kristian, kita percaya bahawa kita ialah sebahagian daripada satu tubuh, Tubuh Kristus, dan kesatuan kita dengan Tubuh Kristus bukan sekadar perpaduan korporat (satu pasukan).

Sebaliknya, kita ialah kesatuan organik, bahagian-bahagian organik itu merupakan satu organisma hidup. Oleh itu, apa yang dilakukan oleh satu bahagian mempengaruhi semua bahagian.

Jika kita setia, kita ialah bahagian yang sihat dalam sistem imun di dalam Tubuh Kristus. Jika kita tidak setia, sama ada dalam perkahwinan atau selibat, kita ialah virus yang tidak sihat, sel kanser, di dalam badan.

Bagi orang Kristian, tidak ada perkara yang dapat disembunyikan. Ini umpama enzim yang sihat atau virus yang tidak sihat di dalam satu tubuh sama seperti kesetiaan atau ketidaksetiaan kita mempengaruhi semua orang lain.

Jadi, kita memerlukan kesetiaan antara satu sama lain – dalam perkahwinan dan dalam selibat. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

## HARI MINGGU BIASA KE 30 (C)

SIRAKH 35:12-14.16-18

2 TIMOTIUS 4:6-8.16-18

INJIL LUKAS 18:9-14

Tuhan Mahakasih memeluk orang berdosa yang bertaubat, mengampuni segala-galanya dan juga menganugerahkan segala-segalanya!

Yesus menggunakan perumpamaan-perumpamaan yang sangat mengesankan demi meyakinkan kita akan belas kasihan Tuhan yang tidak terbatas. Dalam gambaran-gambaran itu Yesus menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan PERTAUBATAN.

Orang yang bertaubat ialah orang, yang insaf akan keadaannya sebagai orang hilang, seperti yang digambarkan dalam perumpamaan anak yang hilang, yang kita boleh baca dalam Injil Lukas.

Namun, anak yang hilang itu dengan sepenuh hati mengakui dan menyesali segala dosanya. Dia menyerahkan diri kepada pengadilan Tuhan tanpa memaafkan diri dan tanpa tuntutan apa pun. Dia sepenuhnya percaya kepada belas kasihan Tuhan.

Si pemungut cukai dalam perumpamaan Lukas hari ini tidak berbangga akan kegiatan amal atau dananya di

## Keangkuhan melambatkan pertaubatan

hadapan Tuhan. Dia dengan rendah hati bermohon agar Tuhan mengasihinya. Hanya orang yang sungguh-sungguh bertaubat akan tahu dan mahu menjadi rendah hati.

Daripada perumpamaan tentang orang Farisi dan pemungut cukai, terungkaplah sikap manusia yang tidak atau belum bertaubat akibat keangkuhan hati atau kesombongan dan selalu menganggap diri sebagai orang benar.

Perumpamaan ini sangat mengesankan apabila Yesus menggambarkan hal itu dengan membandingkan si Farisi dan si pemungut cukai.

Si Farisi yang dengan angkuhnya berbangga dengan amal/dananya di hadapan Tuhan. Dia ialah orang yang tidak mahu melihat dan mengakui kelemahan dan kemiskinan rohaninya.

Dia tidak berasa memerlukan Tuhan dan belas kasihan-Nya! Oleh itu, dia juga tidak menerima belas kasihan Tuhan juga! Keangkuhannya menyebabkan dia menghina terhadap sesama manusia.

Orang-orang seperti itu bukan hanya wujud pada zaman Yesus, sekarang pun ramai "orang-orang Farisi" moden dalam pelbagai cara.

Sedar atau tidak sedar "orang-orang Farisi" itu kebal dan tidak mampu lagi memikirkan Tuhan yang berbelas kasi-



han. Mereka sukar untuk bertaubat dan mengakui kelemahan kerana ia dianggap menghina diri sendiri.

Padahal pertaubatan sejati harus membuka hati kepada belas kasihan Tuhan. Hanya apabila manusia berasa diri mereka kecil dan tidak berharga di depan Tuhan seperti seorang anak (Luk 18:16), atau seperti hamba yang tidak berguna (Luk 17:10), orang yang selalu berhutang kepada Tuhan (Mat 6:12), inilah pertaubatan sejati.

Makna pertaubatan dan kerendahan

hati dalam perumpamaan Yesus hari ini dapat kita kaitkan dengan belas kasihan Yesus kepada seorang wanita yang dipandang orang sebagai pendosa (Luk 7:36-50). Wanita pendosa ini dengan rendah hati mohon Tuhan mengasihinya dirinya.

Pada suatu perjamuan, wanita itu membasuh kaki Yesus dengan air matanya dan menyekanya dengan rambutnya, kemudian dia mencium kaki Yesus dan meminyakinya dengan minyak wangi.

Yesus segera mengatakan, bahawa dosa-dosanya sudah diampuni. Pertaubatan sejati mendorong orang berdosa untuk sungguh mengasihinya Tuhan.

Tugas Yesus sebagai penyelamat ialah membawa semua orang, khususnya orang berdosa kembali kepada Tuhan. Oleh sebab itu, Yesus menjadi sahabat kaum berdosa seperti wanita itu dan si pemungut cukai.

Yesus gembira kerana mereka bertaubat, dan kegembiraan Yesus itu ialah kegembiraan Tuhan sendiri, sebab orang yang hilang atau orang yang selama ini jauh daripada Tuhan, telah kembali ke pangkuan Bapa yang Maha Pengasih!

Dan orang yang bertaubat itu harus mengasihinya-Nya dengan meninggalkan perbuatan lama, bangkit bersama Kristus dengan iman, harapan dan kasih. **Msgr F.X Hadisumarta O.Carm**

KUALA LUMPUR: Seramai 65 orang yang terdiri daripada golongan dewasa, belia dan kanak-kanak menghadiri Program *Outreach* ABMA kali kedua di Gereja *Risen Christ* (RCC).

Program ini merupakan kesinambungan program jangkauan pertama ABMA pada April 21, tahun lalu di RCC.

Program yang bertujuan membantu umat untuk "mendalami hubungan peribadi dengan Tuhan" ini bermula pada jam 11:00 pagi dengan upacara Pentakhtaan Alkitab yang dipimpin oleh Sr Sylvia Stanis FSIC dan diteruskan dengan sesi suai kenal atau *ice breaking*.

Walter Victor, Timbalan Pengerusi ABMA, membentangkan tiga objektif utama program kali ini, iaitu

- menyedari kekuatan, kelemahan, peluang, dan ancaman dalam komuniti;
- menyelidiki diri serta sumbangan kepada komuniti; dan
- membina kepercayaan kepada Tuhan sambil menyediakan pelan komitmen.

Para peserta seterusnya dibimbing dalam kumpulan-kumpulan kecil untuk membuat perbincangan dalam sesi analisis SWOT. Mereka diajak untuk mengenal pasti perubahan yang telah berlaku dalam diri dan komuniti sepanjang tahun lalu.

Sesi analisis SWOT amat penting untuk membantu KUBM berkembang dengan memahami kekuatan dan kelemahan yang ada, serta peluang dan ancaman yang ada di sekeliling mereka.

Selepas makan tengah hari, program diteruskan dengan sesi pujian dan penyembahan yang dipimpin oleh para belia RCC.

Kemudian, Velarie Nozie menyampaikan



sesi "Hubungan Peribadi Saya Dengan Yesus", diakhiri dengan sesi "Percaya" dan "Komitmen" oleh Egbert Adolf.

Sesuai dengan tema program "Aku datang untuk melayani, dan bukannya untuk dilayan", para peserta dibawa untuk memahami hubungan peribadi dengan Tuhan, mengukur sejauh mana kepercayaan kita kepada Tuhan Yesus, dan seterusnya menyatakan komitmen kita untuk melayani Dia.

Program ini ternyata memberi impak mendalam kepada para peserta. Salah seorang peserta, Ashley menyatakan bahawa program itu telah memberikannya penghayatan rohani yang mendalam serta meningkatkan kefahaman tentang nilai

keimanannya dalam pelayanan.

Seorang lagi peserta, Crystalia, berkongsi bahawa sesi ini mengajarnya untuk membina keintiman rohani bersama Tuhan melalui doa dan pembacaan firman. "Seperti yang tertulis dalam Matius 20:28, Yesus datang bukan untuk dilayani tetapi untuk melayani, itulah teladan yang perlu kita ikuti," katanya, sambil menekankan kepentingan untuk hidup rendah hati dan memberi kasih tanpa syarat.

Pandangan ini turut disokong oleh seorang belia, Abner, yang berkata, "Letakkanlah kepercayaanmu sepenuhnya pada Tuhan, Tuhan pasti akan menolong dan mempermuatkan segala urusan. Sentiasa berharap dan

berserah kepada Tuhan kerana Tuhan lebih mengetahui segala-galanya tentang kita."

ABMA turut memastikan program ini inklusif untuk semua, di mana aktiviti khas untuk anak-anak turut disediakan dan dikendalikan oleh Sr Sylvia Stanis.

Pelbagai kaedah penyampaian turut digunakan sepanjang program, termasuk bacaan Alkitab, perkongsian, refleksi peribadi, dan soal-selidik.

Keterlibatan golongan belia juga sangat membanggakan, di mana mereka bukan sahaja komited mengikuti program, malah aktif menyumbangkan pendapat dalam setiap sesi perbincangan kumpulan. Sr Theresa Petrus FSIC

## Rumah Doa Purun, sambut ulang tahun ke-30

PURUN: Sambutan ulangtahun ke-30 Rumah Retret Keuskupan Keningau Purun (RRKKP) dan Pesta Santa Theresia dari Kanak-kanak Yesus disambut dengan penuh sukacita dan kesyukuran pada Oktober 5 lalu.

Perayaan itu dimulakan dengan Misa Kudus oleh Fr Roney Mailap, bersama Fr Paul Mikin.

Turut hadir ialah salah seorang pengasas rumah retreat tersebut iaitu Datuk Sebastian Dirih Anjim, wakil-wakil daripada paroki St Patrick Membakut, paroki St. Valentine, Beaufort dan paroki St. Yohanes, Sipitang serta umat sekitar paroki St Peter Kuala Penyu.

Rumah retreat yang dibina pada tahun 1995 adalah di bawah jagaan Katedral St Francis Xavier, Keningau.

Pada tahun 2017, Komiti Rumah Retret Purun telah ditubuhkan untuk mengendalikan hal ehwal rumah retreat tersebut.

Dua tahun kemudian, iaitu pada tahun 2019, empat paroki pendalaman bawah telah membina Gereja Santa Theresia dari Kanak-kanak Yesus dan komiti bagi menguruskan rumah retreat tersebut.

Pengerusi RRKKP, Sdra Raymond Misin



dalam ucapannya memperkenalkan ahli-ahli Komiti Tetap Rumah Retret yang terdiri daripada pengerusi-pengerusi Majlis Pastoral Paroki serta para paderi gabungan empat paroki pendalaman bawah.

Beliau turut memperkenalkan sebuah tim baharu iaitu Tim Pengharapan yang diketuai oleh Sdri Felecia Jainol, yang membantu mengurus dan mengendali rumah retreat ini.

Selain memohon bantuan dana sekurang-

kurangnya RM80k bagi menaik taraf kemudahan bekalan tenaga elektrik serta untuk mencantikkan landskap kawasan rumah retreat tersebut, Pengerusi Komiti RRKKP juga mempromosikan beberapa fasiliti yang boleh digunakan atau disewa seperti dapur baharu dewan terbuka, dewan berhawa dingin serta bilik-bilik penginapan untuk pelbagai program.

Datuk Sebastian Dirih Anjim, menceritakan

salah satu bangunan awal yang dibina adalah sebuah rumah tradisi yang berlantaikan nibung dan kayu, berdingkingan pelepah dan beratapkan rumbia atas permintaan rektor pada ketika itu iaitu Fr Gilbert.

Fr Roney Mailap dalam ucapannya menyatakan tujuan utama pembukaan rumah retreat ini adalah untuk perkembangan dan pematapan komuniti dari segi rohani dan sosial.

Hala tujuannya adalah membawa umat kepada cintakasih Tuhan dan sesama. Rumah retreat itu berfungsi sebagai sekolah iman, pembentukan melalui seminar, rekoleksi dan retreat khususnya bagi umat di paroki pendalaman bawah.

Fr Roney juga membaca amanat ringkas Bapa Uskup Cornelius Piong yang mengharapkan agar komuniti rumah retreat tersebut dapat terus melayani dengan penuh harapan agar umat yang datang akan dibantu mengenal, mengasihi dan melayani Tuhan.

Selanjutnya, acara seperti pematangan kek ulang tahun, makan tengah hari bersama, persembahan tarian dan nyanyian diteruskan di dewan terbuka. Stella E. Dydimus

## Misa Kudus senja bersama alam ciptaan: Ajakan perbaharui komitmen lindungi alam



KUALA PENYU: Paroki St Peter merayakan pesta Sto Fransiskus dari Assisi dan pelancaran kempen PROTEC 2.0: Menjana Semula dengan merayakan Misa Kudus Senja bersama alam ciptaan pada Oktober 4, di pantai Batu Luang.

Misa yang dianjurkan oleh Komisi Keharmonian Alam Ciptaan Tuhan (KKACTION) bersama KUK St Augustine Kiambor, telah dihadiri lebih 100 orang umat.

Perayaan Ekaristi dipimpin oleh Fr Paul Mikin. Dalam homilinya, Fr Paul mengajak hadirin meneladani kehidupan rohani Sto Fransiskus dari Assisi, yang membaktikan seluruh hidupnya untuk membantu golongan susah, orang-orang yang sakit misalnya pesakit kusta, tetap mencintai Kristus semasa dianiaya dan mencintai alam ciptaan Tuhan.

Santo Pelindung Ekologi itu juga

menghayati imannya melalui jalan kemiskinan sebagai bentuk pengabdian total kepada Tuhan. Jalan kemiskinan ini telah menginspirasi ramai orang hingga ke hari ini sebagai tanda prihatin dan panggilan untuk berbelas kasihan. Ajarannya tentang perdamaian dan persaudaraan masih relevan sehingga sekarang, menunjukkan bahawa hidup dalam Kristus bererti menyebarkan cinta kasih tanpa syarat.

Dalam Misa ini, terdapat acara simbolik iaitu penyiraman batu sebagai tanda pendamaian manusia dengan alam ciptaan Tuhan.

Acara ini didahului oleh Fr Paul Mikin dan seterusnya semua umat yang hadir.

Dalam Misa ini juga, Fr Paul menyempurnakan pengutusan para Lektor dan kemudiannya sesi pemberkatan haiwan peliharaan dan anak-anak pokok yang di bawa oleh umat. Elizabeth Peter

# Sahabat kecil Yesus

Mari  
Mewarna

Cari Perkataan Tersembunyi



BENAR  
DOA  
BENAR  
PERUMPAMAAN  
BAIT TUHAN  
PEMUNGUT CUKAI  
LANGIT  
KASIHANILAH  
SYUKUR  
BERPUASA



## Bonda Maria, Ratu Pengharapan

Orang Farisi itu berdiri dan berdoa dalam hatinya: 'Ya Tuhan, aku mengucapkan syukur kepada-Mu ....

Akan tetapi, pemungut cukai itu berdiri jauh sedikit, tidak berani menengadahkan ke langit melainkan memukul dada sambil berkata,

kerana aku tidak \_\_\_\_\_ seperti semua orang lain, bukan \_\_\_\_\_, bukan orang \_\_\_\_\_, bukan \_\_\_\_\_ dan bukan juga seperti \_\_\_\_\_ ini.

'Ya Tuhan, \_\_\_\_\_, hamba, orang \_\_\_\_\_ ini.  
(Lukas 18:13)

(Lukas 18: 11)

**LENKAPKAN DIALOG PADA GAMBAR INI DENGAN MERUJUK KEPADA PETIKAN KITAB SUCI YANG DIBERIKAN.**



Anak-anak yang dikasihi,  
Dalam pembacaan Injil pada hari Minggu ini, Yesus menceritakan kisah tentang dua orang lelaki yang berdoa di bait suci.  
Salah seorang daripada mereka, seorang Farisi, selalu memperlihatkan bahawa dia mengasihi Tuhan, tetapi di dalam hatinya, dia hanya mengasihi dirinya sendiri.  
Lelaki kedua ialah seorang pemungut cukai. Orang ramai pada zaman Yesus, membenci pemungut cukai kerana mereka mengambil terlalu banyak wang dan bekerja untuk musuh mereka.  
Ketika orang Farisi itu berdoa, dia dengan bangga memberitahu Tuhan betapa baiknya dia berbanding orang lain.  
Anak-anak, adakah Tuhan hanya akan menerima doa orang Farisi itu kerana dia berkelakuan baik?  
Si pemungut cukai pula berdiri jauh dan berdoa kepada Tuhan dengan menundukkan kepalanya, memohon kepada Tuhan untuk mengasihaniya.  
Pemungut cukai itu tahu, dia seorang pendosa dan dia memerlukan bantuan Tuhan.  
Bagi anak-anak, apakah Tuhan berkenan dengan doa orang Farisi atau si pemungut cukai?  
Antie pasti, Tuhan mendengar kedua-dua doa orang itu namun Tuhan amat senang jika di dalam doa kita, kita merendahkan diri, menyesali kesalahan kita dan berharap kepada Tuhan.  
Bersikap rendah hati juga membolehkan kita menyesali perkara-perkara mementingkan diri yang telah kita lakukan dan Tuhan pasti akan membantu kita untuk mengatasi sikap mementingkan diri kita.  
Anak-anak, marilah kita selalu berdoa dan memohon kepada Tuhan agar mengasihani kita yang selalu berdosa, dan semoga Dia selalu memelihara serta mengampuni kita. Amen!

Salam Sayang  
Antie Melly



# BELIA



## Kaum muda bawa misi harapan kepada golongan terabai

ECUADOR: Bukan kita yang mengubah masyarakat, tetapi mereka yang mengubah kita, ujar Mónica Calva, seorang misionari Idente dan Pengarah Misi Universiti di *Universidad Técnica Particular de Loja*, menggambarkan Misi *Idente* di Ecuador.

Misi *Idente* ialah misi yang “membawa harapan serta memberi peluang kepada golongan muda untuk meninggalkan bilik kuliah untuk mengalami sendiri kehidupan di perkampungan pribumi,” kata Karla Esparza dari Zamora Chinchipe dan Priscila Nole dari Ibarra.

### Langkah-langkah awal

*Misión Idente* Ecuador (MIE) ditubuhkan pada tahun 2004 apabila sekumpulan misionari dari Sepanyol, Brazil, Peru dan Colombia, bersama dengan pelajar universiti yang baharu kembali dari Chile selepas menyertai misi di situ.

Pengalaman misi itu menimbulkan satu soalan: “Apa yang boleh kita lakukan untuk membantu rakyat kita?” Mereka sedar bahawa tindakan mereka tidak boleh terhad kepada bantuan sosial atau kerja sukarela, yang kadangkala hanya berfungsi untuk melegakan hati nurani.

Misi pertama MIE ialah di Pangui, di wilayah Zamora Chinchipe. Ketika itu seorang paderi menjemput pasukan MIE ke parokinya, paderi itu telah menggemakan seruan yang berkesan sehingga kini iaitu, “Hidupmu ialah misi” (*your life is*

*mission*).

Sejak itu, MIE telah membawa ramai misionari dan mahasiswa pergi lebih jauh, membawa Berita Baik Injil ke perkampungan-perkampungan terpencil.

Kampung tanpa air atau penjagaan kesihatan; kawasan di mana hanya warga tua yang tinggal; keluarga yang hidup daripada apa yang mereka tanam, dilanda keganasan — inilah antara cabaran yang di hadapi oleh MIE.

Matlamat mereka bukan untuk membetulkan segala-galanya, yang mustahil; tetapi untuk berada di sana: untuk mendengar, untuk menemani, untuk berkongsi.

Mereka memahami bahawa ke-segeraan bukan untuk menawarkan penyelesaian pantas sebaliknya melalui kehadiran mereka, jangkauan dan bantuan, perubahan boleh berlaku.

### Mengapa mereka rela meninggalkan “zon selesa”?

Melibatkan pelajar universiti sebagai misionari ialah perkara yang besar. Mahasiswa bukan setakat “sukarela,” tetapi untuk memberikan diri mereka sepenuhnya: berjalan ke pinggir bandar, menggunakan kemahiran mereka untuk membantu keluarga yang mengalu-alukan mereka, dan berkongsi cabaran kehidupan seharian.

Tahun demi tahun, beratus-ratus anak muda memilih untuk meninggalkan zon selesa mereka kerana menyedari ‘universiti’ boleh menjadi tempat pewartaan Injil dan misi.

Dan pengalaman itu tidak berakhir apabila mereka pulang ke rumah.

Ramai yang meneruskan dalam memberi pelayan dan bantuan kepada keluarga yang mereka lawati malah ada yang mengubah pengalaman mereka menjadi projek penyelidikan atau inovasi sosial.

Misi itu bukan jalan sehalu. Orang muda datang untuk membantu, tetapi mereka yang menerima. Komuniti-komuniti ini, dengan iman mereka yang tulus, mengajar bahawa adalah mungkin untuk hidup dengan sedikit tanpa kehilangan kegembiraan seseorang.

Sangat mengagumkan melihat mahasiswa yang datang dari latar belakang bandar dan moden namun terbuka hati serta rela berhadapan dengan kemiskinan dan, pada masa yang sama, sukacita yang tidak akan dapat diberikan oleh dunia.

Rahsia misi itu bukan programnya, tetapi suasananya. Semangat kekeluargaan, yang dipupuk dalam doa bersama, makan bersama, keramah tamahan keluarga, menjadi landasan yang memungkinkan segala-galanya. Misi itu bukan projek yang perlu dilaksanakan, tetapi pengalaman yang perlu dilalui sebagai komuniti.

Dalam tempoh 21 tahun, MIE telah menyaksikan penyertaan lebih 4,300 pelajar, mencapai hampir 500 komuniti dan mengiringi kira-kira 30,000 keluarga serta terus setia menjalankan misi mereka membawa Kristus untuk dunia.

Media Vatikan

## Biarpun muda, tetapi jadi teladan dalam pelayan



LAHAD DATU: Gereja St Gabriel Tungku, yang merupakan di bawah jagaan paroki St Dominic, telah menganjurkan *Youth Mini Camp* kali kedua (YMC-2) dengan tema, “Muda Tapi Menjadi Teladan”.

Program ini merupakan kesinambungan YMC kali pertama pada tahun 2018.

Pada tahun ini, seramai 39 peserta belia dari St Gabriel Tungku, KPUK FELDA serta belia paroki St Dominic, menyertai YPC-2.

Para peserta tiba pada petang hari pertama. Selepas sesi pendaftaran, taklimat dan makan malam, YPC dimulakan dengan sesi Puji-Pujian dan *Ice Breaker*.

Seterusnya, sesi pertama dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu sesi “Identiti Sebagai Anak Tuhan” bagi belia berumur 15–35; dan sesi “Identiti dan Teladan Orang Muda Katolik” bagi peserta berusia bawah 14 tahun.

Aktiviti pada malam pertama itu diakhiri dengan doa malam.

Hari kedua dimulakan dengan sesi “Menjadi Teladan dalam Pelayan” oleh Sr Jane F. Piong FSIC dan Koperal Ravindra Kumar Mahindran

bertajuk “Belia Berdisiplin dan Teladan dalam Masyarakat” yang menekankan pentingnya sikap bertanggungjawab serta disiplin dalam membangun komuniti serta menjadi teladan di tengah masyarakat.

Aktiviti diteruskan dengan rekreasi berpasukan melalui *Amazing Race* Katolik diikuti dengan Sukaneka yang mengeratkan persaudaraan para belia.

Hari kedua ditutup dengan persiapan diri sebelum meneruskan perjalanan rohani seterusnya.

Pada hari ketiga yang juga merupakan hari terakhir YMC dimulakan dengan sarapan pagi dan doa rosari. Mereka juga berkongsi doa Rosari bersama. Mereka juga berkongsi pengalaman menyentuh hati semasa menyertai YMC itu.

Kemudian, mereka menyertai Ibadat Sabda yang dipimpin oleh Sr Jane.

Ibadat Sabda itu merupakan kemuncak YMC-2 memperkukuh persaudaraan sesama kaum muda serta memperkuat panggilan mereka untuk menjadi teladan iman serta moral bagi kaum muda yang lain.



## Berita singkat antarabangsa

### Sri Paus Leo hantar 5,000 dos antibiotik ke Gaza

VATIKAN: Sri Paus Leo telah menghantar 5,000 dos antibiotik ke Gaza untuk kanak-kanak, yang merupakan golongan paling terjejas akibat konflik selama dua tahun.

Penghantaran itu dapat dilakukan berikutan pembukaan semula lintasan yang membolehkan bantuan kemanusiaan disampaikan kepada penduduk Semenanjung Gaza.

Sri Paus Leo tidak henti-henti berdoa agar ada sinar harapan untuk keamanan di Tanah Suci dan berdoa untuk Ukraine

“Kami sedang menyahut kata-kata yang tercatat dalam Seruan Apostolik *Dilexi te*, yang didedikasikan kepada orang miskin,”

kata Kardinal Konrad Krajewski, Prefek Dikasteri untuk Perkhidmatan Amal, sambil menambah bahawa “Adalah perlu untuk bertindak, untuk memberi perhatian kepada mereka yang memerlukan.”

Seruan kepausan itu jelas menyatakan misi Gereja, menyoroti fakta “bahawa pewartaan Injil Yesus hanya dapat dipercayai apabila ia dinyatakan melalui perbuatan konkrit dan sikap terbuka.”

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Patriarkat Latin Yerusalem, kerana telah menerima antibiotik tersebut untuk diagihkan kepada mereka yang memerlukan. Media Vatikan

### Perhimpunan agung Karmelit pertama kali dianjurkan di luar Eropah

MALANG, Indonesia: Ordo Karmelit mencatat pencapaian bersejarah tahun ini apabila ia mengadakan Perhimpunan Agungnya di luar Eropah buat kali pertama, memilih Kota Malang di Jawa Timur, Indonesia, sebagai tuan rumahnya.

Perhimpunan yang diadakan pada bulan September itu dimulakan dengan Misa di dewan konsyenan di pusat bandar Malang.

Perhimpunan itu dipandu oleh tema *Nostra Contemplativa Suas Missiones Discernit* (Renungan Kita Menentukan Misi Kita), yang diambil daripada Peraturan No. 20 Ordo Karmelit.

Seramai 100 perwakilan anta-

rabangsa yang mewakili wilayah Karmelit, dan perwakilan dari seluruh dunia menghadiri perhimpunan itu.

Kemuncak acara ialah para seminarian Karmelit — dari postulan hingga biarawan yang telah berikrar kekal — mempersembahkan drama tarian gaya Bali tentang Rama dan Shinta, memukau penonton dengan kesenian dan simbolisme rohaninya.

Perwakilan memilih Fr Desiderio García Martínez, O. Carm. dari Sepanyol sebagai Pemimpin Umum baharu Ordo, dan Fr FX Hariawan Adji, O.Carm. dari Indonesia sebagai Naib Pemimpin Umum. LiCAS News

### Katolik Filipina berbusana putih menentang korupsi

MANILA: Umat Katolik Filipina memakai pakaian berwarna putih semasa Misa hari Minggu, menyahut seruan daripada uskup mereka sebagai simbolik menentang skandal rasuah.

Di pelbagai paroki di seluruh negara pulau itu, umat Katolik memakai gaun putih ketika mereka berduyun-duyun ke Misa Ahad pada Oktober 12, mengikut nasihat para uskup.

Dalam surat bertarikh Oktober 11, Kardinal Pablo David Virgilio, Uskup Kalookan, presiden konferensi para uskup kebangsaan, menyeru umat Katolik untuk memakai pakaian putih setiap hari Ahad pada bulan Oktober dan November, serta mempamerkan

reben putih di rumah, Gereja, dan tempat awam.

David berkata tindakan ini akan menjadi “tanda keinginan umat untuk ketelusan, akauntabiliti, dan tadbir urus yang baik.”

Beliau juga menyeru umat Katolik untuk “berdoa yang rendah hati” supaya negara itu dapat dibersihkan dan diperbaharui dalam rahmat Tuhan, dan terselamat daripada bencana selanjutnya.

Fr Estaban Lo, rektor Basilika Kecil St Lorenzo Ruiz di Manila berkata memakai pakaian putih adalah “simbolik untuk menyedarkan orang ramai tentang peranan mereka dalam memerangi rasuah.” ucanews

### Gereja Katolik perjas pengusiran roh api

BANGKOK: Jabatan Hal Ehwat Agama (DRA) Thailand telah melancarkan siasatan ke atas sebuah Gereja Protestan yang didakwa melakukan ritual “pengusiran syaitan dengan api”.

Amalan itu, yang tersebar luas di televisyen dan media sosial serta menarik perhatian pihak berkuasa negeri dan Gereja.

Menurut DRA, video menunjukkan pemimpin Gereja menyentuh peserta — yang dipercayai dirasuk syaitan — sambil berulang kali menjerit “api, api”.

Konferensi para Uskup Katolik

Thailand (CBCT) telah memberikan kenyataan rasmi mengenai perkara tersebut.

CBCT menegaskan bahawa Gereja Katolik tidak melakukan “pengusiran api” atau sebarang ritual yang melibatkan api untuk mengusir roh.

“Gereja memang mengamalkan pengusiran syaitan, namun terkawal oleh peraturan dan undang-undang Gereja universal serta harus dilakukan oleh seorang paderi yang diberi kuasa secara rasmi oleh uskup tempatan.” Media Vatikan

# Kerohanian Maria bawa transformasi sosial

VATIKAN: “Kerohanian Maria, menyuburkan iman kita kerana hidupnya yang sentiasa berpusat pada Yesus,” kata Sri Paus Leo XIV kepada umat beriman semasa Misa untuk Jubli Kerohanian Maria pada Oktober 12 lalu.

Dalam khutbahnya, Bapa Suci merenungkan kerohanian ini dan menyatakan bahawa, “Kerohanian Maria seperti hari Minggu yang meningkatkan kita akan Yesus Kristus, dalam cahaya Kebangkitan-Nya dari kematian.

Sri Paus menjelaskan bahawa pengabdian kepada Maria berkhidmat kepada Injil dan membantu umat beriman menghayatinya dengan lebih sepenuhnya.

“Kerohanian Maria berada di bawah naungan Injil yang memperlihatkan kesederhanaannya,” katanya.

### Kerohanian Maria

“Kasih sayang kita terhadap Maria dari Nazaret mendorong kita untuk menyertai beliau dalam menjadi murid Yesus,” tambahnya.

Maria mengajar kita untuk kembali kepada-Nya dan untuk merenung serta memikirkan peristiwa dalam hidup kita di mana Yang Bangkit masih datang kepada kita dan memanggil kita.

Prelatus itu berkata kerohanian ini menarik orang yang beriman ke dalam karya penyelamatan Tuhan.

“Kerohanian Maria membenamkan kita dalam sejarah di mana syurga terbuka,” kata Sri Paus.

“Ia membantu kita untuk berhadapan dengan orang-orang



yang angkuh, menjatuhkan orang berkuasa dari takhta mereka dan orang kaya dihantar pergi dengan tangan kosong.

Kerohanian Maria mendorong kita, untuk mengisi yang lapar dengan perkara-perkara yang baik, untuk mengangkat yang rendah diri, untuk mengingati rahmat Tuhan dan untuk mempercayai kuasa tangan-Nya.”

### Kidung Pujian Maria

Merenungkan penerimaan Maria terhadap kehendak Tuhan, Sri Paus Leo berkata bahawa jawapan “ya” Maria bukan tindakan sekali sahaja tetapi komitmen harian.

“Yesus mengajak kita untuk menjadi sebahagian daripada Kerajaan-Nya, sama seperti Dia meminta Maria untuk berkata “ya” dan kata “ya” ini perlu diperbaharui setiap hari, melalui kata-kata dan tindakan kita,” jelas Bapa Suci Leo.

Sri Paus kemudian merenungkan kisah dari Injil tentang sepuluh orang kusta, sembilan daripadanya tidak kembali untuk mengucapkan terima kasih selepas sembuh.

“Orang kusta dalam Injil yang tidak kembali untuk mengucapkan terima kasih mengingatkan kita bahawa rahmat Tuhan boleh menyentuh kita tetapi tidak mendapat sambutan,” katanya.

“Tuhan dapat menyembuhkan kita, namun kita gagal menerimanya. Marilah kita berhati-hati agar tidak datang ke bait suci tanpa hati yang tulus atau tanpa sungguh-sungguh mengasihinya.”

Sri Paus Leo juga mengingatkan umat agar berhati-hati dengan amalan keagamaan yang mengasingkan penganut daripada orang-orang sekeliling mereka kerana ia tidak memupuk perhubungan dengan orang lain dan boleh mematikan hati kita! katanya. Media Vatikan

## Kaum pendatang sebagai misionari harapan

KOTA SINGAPURA: Kardinal William Goh dari Singapura telah menggesa umat Katolik untuk melihat pendatang sebagai contoh iman dan keberanian, menggelar mereka sebagai “misionari harapan” yang tabah dan dapat memperbaharui semangat misionari Gereja.

Merayakan Misa di Gereja Sta Anne di Sengkang sempena Hari Migran dan Pelarian Sedunia ke-111, Kardinal Goh merenungkan mesej Sri Paus Fransiskus untuk sambutan tahun ini, mengingatkan umat beriman bahawa pendatang sering merangkumi Injil melalui ketabahan mereka.

“Rakyat Singapura cenderung untuk mengambil mudah kehidupan dan kita tidak menghargai apa yang perlu dilalui oleh pendatang,” kata Kardinal itu.

Tidak mudah untuk menyesuaikan diri di negara baharu dengan adat dan bahasa yang berbeza. “Memerlukan keberanian yang be-

sar untuk meninggalkan tanah air anda bagi mencari kehidupan yang lebih baik untuk keluarga dan diri sendiri,” tambahnya.

Kira-kira 500 pendatang dan umat menyertai perayaan itu, yang menampilkan persembahan kebudayaan dan makanan tradisional dari lapan komuniti pendatang.

Festival itu dianjurkan bersama oleh Gereja Sta Anne dan Komisi Keuskupan Agung untuk Penjagaan Pastoral Migran dan Orang yang Berpindah Randah (ACMI).

### Misionari harapan

Dalam khutbahnya, Kardinal Goh berkata bahawa kisah pekerja migran yang terus berpegang teguh kepada iman mereka walaupun menghadapi kesukasan harus memberi inspirasi kepada umat Katolik tempatan untuk hidup dengan lebih bersyukur dan bersolidariti.

Mengingatkan tema Hari Dunia

oleh mendiang Sri Paus Fransiskus, beliau berkata pendatang bukan sekadar penerima amal tetapi “misionari harapan” yang membawa cahaya iman ke tanah baharu melalui contoh dan ketabahan mereka.

Uskup Agung juga menggesa pendatang untuk mengambil bahagian dalam penginjilan melalui kesaksian peribadi.

“Ramai daripada rakan senegara anda sendiri bukan Katolik,” katanya. “Bawa mereka ke gereja, bawa mereka makan malam, jalin persahabatan, dan kongsi iman anda.”

### Membina Gereja yang mengalukan

Acara itu ditutup dengan ucapan daripada Pengerusi ACMI, Raymundo Yu, yang berharap agar usaha berterusan untuk memupuk persefahaman dan persahabatan antara penduduk tempatan dan komuniti pendatang. LiCAS News

# Kita tidak dicipta berkekurangan, tetapi untuk kepenuhan

VATIKAN: “Untuk berjalan bersama Yesus bermakna kita akan mengalami sokongan daripada-Nya walau apa pun keadaan kita. Dia menghilangkan dahaga kita dan menyegarkan diri di tengah-tengah kesukaran dan perjuangan yang, seperti batu berat, mengalihkan ancaman-ancaman yang cuba menghalang atau mengalihkan jalan ketika kita melalui kehidupan ini.”

Sri Paus Leo XIV memberikan kata-kata penghiburan ini semasa Audiens Umumnya pada pagi Rabu, Oktober 15, di Dataran Sto Petrus, ketika beliau meneruskan siri katekesisnya yang bertajuk ‘Yesus Kristus, Harapan Kita.’

Merengung realiti pengalaman manusia, Bapa Suci mengakui emosi yang sering bercanggah dan batasan yang menandai kehidupan kita.

“Kadang-kadang kita berasa gembira; pada masa lain, sedih. Kita mungkin berasa puas atau tertekan, gembira atau hilang motivasi. Kita menjalani kehidupan yang sibuk, memberi tumpuan kepada hasil, malah kadangkala mencapai matlamat yang berprestij. Kadang-kadang, kita kekal tergantung, tidak ada kejayaan, tidak menentu, menunggu pengiktirafan yang tidak pernah datang,” katanya.

“Pendek kata,” katanya, “kita mendapati diri kita dalam paradoks: kita merindui kebahagiaan, namun kebahagiaan yang berkekalan sering terlepas dari kita.”

## Bergelut dengan batasan kita

Sri Paus Leo menyatakan bahawa tekanan ini menunjukkan batasan dan keinginan mendalam kita untuk melampauinya. Kita menerima apa yang kita kurang, sambil tertekan. Jauh di lubuk hati, kita berasa ada sesuatu yang sentiasa hilang.

Namun, prelatus itu meyakinkan umat



bahawa kerinduan ini bukanlah satu kebetulan, “Kita tidak diciptakan untuk kekurangan, tetapi untuk kepenuhan—untuk bergembira dalam kehidupan, dan kehidupan dalam kelimpahan.”

“Keinginan mendalam dalam hati kita ini tidak dapat dipenuhi oleh peranan, kuasa, atau harta benda. Ia hanya dapat dipenuhi oleh kepastian bahawa seseorang menyokong dorongan asas kemanusiaan kita ini—oleh jaminan bahawa harapan terdalam kita tidak akan kecewa.”

“Kristus yang Bangkit adalah kepastian dan harapan kita. Jaminan itu, terdapat dalam Yesus Kristus,” jelas Sri Paus Leo.

“Kepastian inilah yang kita panggil harapan. Ia bukan sekadar optimisme—optimisme sering runtuh di bawah beban kekecewaan. Tetapi harapan Kristian, menjanjikan dan menunaikan.”

Yesus yang Bangkit adalah jaminan pembebasan ini! Dia ialah mata air yang

memuaskan dahaga kita—dahaga yang tidak terhingga akan kepenuhan yang diletakkan di dalam hati kita oleh Roh Kudus.”

Kebangkitan Kristus, bukan sekadar peristiwa sejarah, tetapi misteri transformatif di tengah-tengah masa.

Yang Bangkit adalah mata air yang hidup—Dia tidak kering, dan Dia tidak berubah. Dia sentiasa suci, sentiasa hadir, sentiasa bersedia untuk mereka yang dahaga.

## Rasa kedamaian abadi

Yesus, dalam Kebangkitan-Nya, telah menjamin sumber kehidupan yang kekal. “Dia adalah Yang Hidup (cf. Wahyu 1:18), Kekasih Kehidupan, Pemenang atas kematian,” kata Paus. Hanya Dia sahaja yang dapat menyegarkan kita sepanjang perjalanan hidup di dunia ini dan menawarkan kita kedamaian yang kekal abadi. **Media Vatikan**

## Jus rohani untuk jiwa

Saat Tuhan masih memberi nafas dalam hidup, itu tandanya kisah hidupmu belum selesai. Seburuk apa pun keadaanmu, Tuhan masih menyimpan rencana besar untuk kamu temukan.

Berikut merupakan kata-kata bijak daripada orang-orang kudus terkenal. Semoga ia dapat membawa cahaya kegembiraan untuk sesiapa yang membaca:

- Jangan berdoa hanya kerana memerlukan sesuatu, tetapi kerana kamu punya banyak hal yang harus disyukuri dalam hidupmu. — **Ibu Theresa dari Calcutta**
- Saat Tuhan yang memegang ken-

## Bersyukur itu indah ...

dali, langkahmu tidak akan salah dan hidupmu akan selalu diberkati. — **St Theresa dari Lisieux**

■ Mengucap syukur dalam segala hal adalah sebuah keharusan. Sebab, itulah yang dikehendaki Tuhan. — **Sto Ignatius dari Loyola**

■ Tuhan menyediakan lebih daripada yang pernah kamu sebutkan dalam doamu. Ia bahkan sudah tau apa yang kita perlukan sebelum kita mengucapkannya. — **Padre Pio**

■ Dia izinkan kamu ada di titik terendahmu agar kamu tahu di situ Dia ada.

— **Sri Paus Santo Yohanes Paulus II**

■ Serahkanlah perbuatanmu kepada Tuhan, maka terlaksanalah segala rencanamu. — **Sta Theresa dari Avila**

■ Daripada menyerah dengan keadaan, lebih baik berserah kepada Tuhan. — **Sta Faustina**

■ Di mata Tuhan, kita tidak pernah hina, sehingga jangan pernah merasa rendah diri, bersyukur adalah kunci mendapat kebahagiaan di dalam hati. — **Sto Fransiskus dari Assisi**

■ Hidup memang tidak selalu mudah, tapi bersama Tuhan Yesus semuanya akan berakhir indah. Percayalah pada Tuhan, maka hidupmu akan dijauhkan dari kegelisahan. — **Sta Maria Magdalena de Pazzi**

■ Jika setiap keputusan dimulai dengan melibatkan Tuhan, kamu tidak akan pernah menyesal dengan pilihan atau keputusan yang kamu buat. — **Sta Katarina dari Ricci**

■ Jika Tuhan dapat mengubah siang menjadi malam, maka percayalah bahwa Tuhan dapat mengubah beban menjadi berkat. — **Sto Augustinus dari Hippo**

■ Hari ini, lelahmu akan hilang, sakitmu akan sembuh, dan sabarmu akan terbayar. Percaya bahwa Tuhan melihat dan mendengar doa-doamu. — **Sto Anthony dari Padua**

Aletheia

## PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

## Mereka perlu penghiburan rohani

Satu dunia mengemam tentera Israel yang melancarkan serangan udara ke atas bangunan kediaman yang menempatkan pemimpin politik Hamas dan perunding gencatan senjata di Doha, ibu negara Qatar, pada awal bulan September lalu.

Enam anggota kumpulan militan Palestin terbunuh, tetapi pemimpin dan perunding terselamat. Pasukan rundungan kumpulan itu sedang membincangkan perjanjian gencatan senjata baharu yang dicadangkan baru-baru ini oleh Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump apabila serangan itu berlaku.

Qatar, sekutu penting AS dan tuan rumah kepada pangkalan tentera Amerika yang besar, telah lama meletakkan dirinya sebagai orang tengah yang jujur dalam merundingkan penamatan perang di Semenanjung Gaza.

Perdana Menteri Qatar, Sheikh Mohammed bin Abdulrahman Al Thani mengutuk serangan itu sebagai pelanggaran kedaulatannya dan tindakan “keganasan negara” Israel.

“Qatar berhak untuk bertindak balas terhadap serangan terang-terangan ini dan akan mengambil semua langkah yang perlu untuk bertindak balas,” katanya.

Negara Teluk itu telah menyalurkan berjuta-juta dolar kepada Hamas di Gaza pada tahun-tahun sebelumnya dengan pengetahuan dan kebenaran Perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu.

Ini dikritik oleh tentera Israel, yang memberi amaran bahawa Hamas menggunakannya untuk melatih dan melengkapkan semua pejuang mereka.

Laporan *Associated Press* memetik Kementerian Kesihatan Gaza sebagai berkata, “64,231 rakyat Palestine telah terbunuh sejak permulaan perang,” sambil menambah bahawa “wanita dan kanak-kanak membentuk kira-kira separuh daripada yang terbunuh.”

Sehingga September 11, 2025, lebih 163,000 rakyat Palestine di Gaza telah cedera dalam pengeboman.

Berikutan serangan itu, Sri Paus Leo XIV mengucapkan simpati yang mendalam kepada rakyat Palestine di Gaza, yang terus hidup dalam ketakutan dan bertahan dalam keadaan yang tidak boleh diterima.

Tegasnya, maruah manusia yang tidak boleh dicabuli bagi setiap orang mesti dihormati

Menggunakan perintah keenam dalam 10 perintah Tuhan ‘Janganlah kamu membunuh’, Sri Paus Leo yang memimpin audiens pada hari Rabu ketika itu, mengisytiharkan, “Setiap orang sentiasa mempunyai maruah yang tidak boleh dilanggar, untuk dihormati dan dilindungi.”

Kemudian, pada awal Oktober, terdapat usaha rundungan untuk menamatkan konflik yang memusnahkan selama dua tahun di Gaza. Ini menjadi harapan bagi dunia yang sudah tidak tahan melihat keganasan di Gaza. Mari menyahut seruan Sri Paus Leo, agar terus berdoa untuk Gaza, memupuk harapan agar keamanan kembali di Gaza serta menolak logik keganasan dan perpecahan. **Media Vatikan**

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.**

**Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.**

**Anda boleh menghantar artikel kepada [liza@herald.com.my](mailto:liza@herald.com.my)**

**atau**

**WhatsApp: 011-26391498**



UNTUK KERJASAMA ANTARA TRADISI AGAMA YANG BERBEZA  
Marilah kita berdoa agar penganut tradisi agama yang berbeza dapat bekerjasama untuk mempertahankan dan mempromosikan keamanan, keadilan dan persaudaraan manusia.

PLENTONG: Pada Oktober 6-10 lalu, seramai 51 orang paderi muda (semuanya ditahbiskan kurang daripada lima tahun) dari sembilan keuskupan di Malaysia dan seorang dari Keuskupan Agung Singapura, berhimpun di Keuskupan Melaka Johor. Selama lima hari, para klerus muda itu bertemu semula dalam sukacita, berdoa bersama, berkongsi iman serta pengalaman dan merayakan persaudaraan.

Mereka merayakan Misa Kudus pembukaan di Gereja St Joseph di Plentong, yang dipimpin oleh Uskup Richard Ng dari Miri.

Dalam homilinya, Uskup Richard mengingatkan para paderi bahawa imamat, walaupun suci dan mencabar, tidak seharusnya dijalani secara terencil. Katanya, Perhimpunan para Paderi Muda (YPG) ialah peluang untuk mengukuhkan persaudaraan sesama paderi kejujuran, lebih mendalami panggilan imamat mereka dan berehat seketika.

Pada hari kedua, para paderi muda mengikuti sesi "Kesehatan Mental" bersama Dr Fabian Dass – dari *Regency Specialist Hospital*.

Dr Fabian berbicara tentang kesejahteraan peribadi, peningkatan isu kesihatan mental dalam masyarakat, dan bagaimana paderi boleh berjalan bersama orang yang menderita penyakit mental.

Selepas sesi tersebut, para paderi menikmati makan tengah hari di Restoran Kerala di Johor Bahru.

Pada sebelah malam, para paderi berkumpul di Katedral Hati Kudus Yesus untuk merayakan Pesta Bonda Maria Ratu Rosari yang dipimpin oleh Uskup Bernard Paul disusuli makan malam.

Pada hari ketiga, para paderi pergi ke Gereja St Louis di Kluang. Mereka dipimpin oleh Francisco Overee dan Karen Chan dari Jaringan Belia Keuskupan Melaka Johor (MJDYPN) yang berkongsi pandangan cara orang muda berfikir, apa yang mereka hadapi, dan bagaimana paderi boleh menemani mereka dengan cara yang bermakna.

Dialog, aktiviti kumpulan, dan refleksi bersama membantu para paderi melihat pelayanan belia dengan pandangan baharu.

Selepas sesi, para paderi merayakan Misa di Gereja, bertepatan dengan penerimaan 'Perjalanan Salib'.

Para paderi muda itu sendiri mengangkat Perjalanan Salib ke dalam Gereja. Perjalanan Salib itu mengingatkan para paderi muda bahawa mereka tidak memikul Salib Kristus sendirian tetapi berjalan bersama dengan rakan-rakan paderi, uskup dan umat.



Dari Kluang, para paderi itu beredar ke Gereja St Mary di Ayer Salak, Melaka. Di sana, 15 buah keluarga telah menjadi keluarga angkat para paderi selama dua malam. Ia bukan sekadar penginapan—ia adalah kehidupan keluarga.

Para paderi disambut seperti anak, makan bersama, mendengar cerita daripada orang tua, dan merasakan kehangatan cinta yang tulus.

Pada malam pertama, setiap keluarga angkat mengadakan sesi doa di rumah mereka. Ada yang berdoa rosari, ada yang meminta berkat rumah, dan ada juga yang

membawa haiwan peliharaan mereka untuk diberkati.

Pada Oktober 9, para paderi melawat beberapa tempat rohani di Melaka iaitu ke Gereja St Francis Xavier, Bukit St Paul, berdoa dan menyembah Ekaristi di Gereja St Peter iaitu Gereja Katolik tertua di Tanah Melayu.

Pada sebelah petang, mereka melawat Penempatan Portugis dan ke Kapel St Mary bagi Misa ziarah, diikuti dengan makan malam yang menggembirakan bersama umat tempatan.

Pada hari terakhir, Misa penutup diada-

kan di Kapel St Mary dan dipimpin dengan indah oleh paderi termuda (dari segi tahun pentahbisan).

YPG pada tahun hadapan akan diadakan di Keuskupan Agung Kuching.

### Perkongsian para peserta YPG2025

I ni ialah kali pertama saya menghadiri YPG sejak ditahbis kira-kira lapan bulan lalu. Program ini benar-benar bermanfaat, terutamanya dalam mempromosikan pembentukan berterusan yang penting untuk pertumbuhan akademik, rohani, dan komuniti. Ia juga menekankan kepentingan menjaga kesejahteraan fizikal dan mental untuk pelayanan lebih efektif di ladang Tuhan. **Fr Nelbart Peter, Keuskupan Keningau**

Saya juga kali pertama saya menghadiri YPG, saya sangat terkesan dengan layanan mesra rakan paderi dari Malaysia dan ramai di antaranya, saya pertama kali bertemu dengan mereka.

Saya juga bersyukur atas masa yang dihabiskan bersama keluarga angkat kami — berkongsi sedikit kehidupan mereka dan bertukar cerita tentang iman.

Momen kegemaran saya ialah sesi adorasi Ekaristi yang singkat yang kami lakukan sebagai paderi muda—bersama-sama mengucapkan syukur kepada Tuhan atas imamat-Nya yang kami kongsi. **Fr Timothy Soo, Keuskupan Agung Singapura**

## Medan pembentukan dan mesyuarat Caritas Keuskupan Sandakan



TAWAU: Pertemuan Caritas Keuskupan Sandakan pada Oktober 3 hingga 5 lalu bukan sahaja sekadar medan mesyuarat, tetapi ruang pembentukan rohani dan pematapan semangat pelayanan dalam kalangan ahli Caritas.

Turut hadir dalam mesyuarat ini ialah Fr Riki Boy Hashim, selaku Penasihat Rohani Caritas Keuskupan Sandakan.

Sesi pembentukan diadakan pada hari kedua, dengan menumpukan pemahaman Visi dan Misi serta Pelan Pastoral. Usaha ini sangat penting bagi memastikan setiap inisiatif dan pelayanan Caritas selari dengan arah tuju dan semangat Keuskupan Sandakan yang didirikan 18 tahun lalu.

Sesi ini turut menyentuh struktur organisasi Keuskupan dan paroki, peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam menjayakan pelan pastoral secara menyeluruh.

Sesi latihan yang menumpukan Misi

Keuskupan keempat, turut dijalankan bagi meningkatkan penghidupan dalam nilai-nilai Injil melalui pemahaman yang mendalam terhadap ajaran sosial Gereja.

Melalui misi ini, ahli-ahli Caritas dibimbing untuk memilih satu objektif yang sesuai dengan realiti paroki masing-masing, dan seterusnya merangka pelan tindakan yang konkrit dan relevan.

Pada sebelah petang, mesyuarat Caritas Keuskupan membincangkan pelbagai perkara penting termasuk laporan Caritas dari setiap paroki, Polisi Perlindungan Kanak-Kanak, serta beberapa program akan datang seperti *Caritas Malaysia Meet* dan *Caritas Meet* – Wilayah Sabah.

Mesyuarat diakhiri pada hari ketiga dengan Misa Kudus hari Minggu Migran di Gereja Holy Trinity Tawau. Para peserta menyertai jamuan tengah hari sebelum kembali ke paroki masing-masing.